

JUN  
2023

Aspirasi  
Kefamilliaran

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknp.gov.my](http://www.pknp.gov.my)

## Dingahayu

MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN TAHNIAH



Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di - Pertuan Agong, Al - Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al - Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al - Musta'in Billah sempena sambutan ulang tahun hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku pada 5 Jun 2023 bersamaan 16 Zulkaedah 1444 Hijrah.

## MENANDATANGANI BORANG WAKAF VILLA 10 KEPADA PEJABAT WAKAF PAHANG



Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menandatangani borang wakaf sambil disaksikan oleh wakil PKNP dan wakil Pejabat Wakaf Pahang

Kuantan, 2 Jun - Satu sesi menandatangani borang wakaf dan lafaz akad bagi penyerahan 1 unit hartanah PKNP, Villa 10 di antara PKNP dan Pejabat Wakaf Pahang telah berlangsung pada 2 Jun 2023 di Bilik Lembaga, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Rumah berkembar 2 setengah tingkat di Bukit Pelindung ini telah dipersetujui untuk diwakafkan kepada Pejabat Wakaf Pahang dalam mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.1/2023 yang dipengerusikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Hadir bersama dalam majlis ringkas ini adalah Pegawai - Pegawai dari Pejabat Wakaf Pahang, Ustaz Mohd Farid bin Mohd Ramly dan Encik Farhan Mirdza bin Abd Rani, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBhg Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus - Pengurus Bahagian dan Unit PKNP serta para pegawai yang terlibat.

## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN PAHANG KE PKNP



Kunjungan julung kali dari Pengarah Pusat Khidmat kontraktor Cawangan Negeri Pahang

Kuantan, 7 Jun - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor Cawangan Negeri Pahang, Encik Shaiful Bakhtiar Haji Ibrahim.

Hadir bersama adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan beberapa pegawai dari Pusat Khidmat Kontraktor Cawangan Negeri Pahang.

## PKNP SANTUNI, SERAH SUMBANGAN KEPADA TAHFIZ, GOLONGAN ASNAF DAN ANAK YATIM DI JENKA DAN DUN PELANGAI

Delegasi PKNP yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menyantuni anak-anak syurga di Maahad Tahfiz Uloom Al Islamiyah Jenka 11 dan Maahad Tahfiz Al Hakim Jenka 15 dan seterusnya menyampaikan sumbangan berupa cek bagi membantu meringankan kos pengurusan maahad-mahad tahfiz tersebut.

Seterusnya, sementara berada di Jenka, Ketua Pegawai Eksekutif juga berkesempatan meninjau progres pembinaan Masjid Baru Jenka 19 yang diseliatkan oleh PKNP yang mana pada ketika ini berada di tahap 70% kemajuan.

Disebelah petang, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP mengiringi Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, YB. Dato' Sri

Johari Bin Harun bagi menyampaikan sumbangan PKNP kepada seramai 124 orang asnaf dan 123 orang anak yatim di kawasan DUN Pelangai.



YB. Dato' Sri Johari bin Harun menyampaikan sumbangan dan beramah mesra bersama penduduk DUN Pelangai.

## LAWATAN KERJA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP KE DAERAH BENTONG SERTA KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YDP. MAJLIS PERBANDARAN BENTONG



Sesi penerangan oleh wakil Bahagian Teknik semasa lawatan tapak di Bentong

Bentong, 8 Jun - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah mengadakan lawatan kerja ke daerah Bentong bagi meninjau kemajuan kerja bagi beberapa projek dibawah seliaan PKNP termasuk Projek Menaiktaraf

Infrastruktur Asas (jalan) di Kawasan Perindustrian Bentong 2B dan Projek Perumahan PKNP Bukit Chemperoh, Janda Baik.

Sementara itu pada sebelah petang, YH. Dato' Mohd Faizal telah berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke atas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Bentong, YH. Dato' Rose Shamsul bin Abdul Razak bagi mengucapkan tahniah di atas pelantikan sebagai YDP Majlis Perbandaran Bentong yang baharu berkuatkuasa pada 30 Mei 2023 yang lalu seterusnya membincangkan beberapa isu berkaitan permohonan - permohonan PKNP di sekitar daerah Bentong.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim serta pegawai - pegawai PKNP yang berkaitan.

## PROGRAM MENTORSHIP PEMBUAT FILEM DAN PENCIPTA KONTEN BERSAMA WALKABOUT ASIA



Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

Kuantan, 8 Jun - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan usahasama Happy Campers Production Sdn Bhd telah menganjurkan program Mentorship Pembuat Filem dan Pencipta Konten bagi usahawan bimbingan PKNP dan usahawan Negeri Pahang khususnya.

Seramai 60 orang peserta menghadiri program selama dua hari ini yang melibatkan Tenaga Pen-

gajar dari Happy Campers Production Sdn Bhd iaitu Puan Nurashikin Zaharuddin, Puan Iman Corinne, Puan Nik Linda Hew dan Puan Nur Hussein.

Program dimulakan dengan ucapan pengenalan berkenaan Power of Digital Stories : Unpacking Walkabout Asia oleh Puan Nurashikin binti Zaharuddin, Pengasas kepada Happy Campers Production Sdn Bhd.

Antara pengisian program termasuk Finding Your Way As a Documentary Filmmakers dengan cara dan teknik yang betul dalam membuat rakaman.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim dan Penolong Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya.

## PROGRAM TIKTOK SHOP JAYA NIAGA DIGITAL WANITA PAHANG

Kuantan, 16 Jun - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bersama Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang dengan usahasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn Bhd telah menganjurkan program TIKTOK Shop Jaya Niaga Digital Wanita Pahang bagi usahawan Negeri Pahang.

Program ini telah dirasmikan oleh Puan Mazlina Bt Mohamed@Mohamad Lazim, Wakil Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Turut hadir bersama adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin merangkap Ketua Kluster Pekerjaan Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang.

Program dimulakan dengan ucapan pengenalan berkenaan MDEC E-COMMERCE INISIATIF oleh Puan Radziah binti Hamid, Pengurus Industry Engagement and Market Development. Melalui program ini, usahawan diajar dan dibimbing teknik pemasaran yang berkesan dalam mempromosikan produk mereka di Tiktok Shop yang menjadi e-commerce utama di Malaysia.



Seramai 110 orang peserta dalam kalangan wanita telah menghadiri program ini

PKNP mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama MDEC dan TikTok Malaysia yang telah menjayakan program ini dan melibatkan Tenaga Pengajar dari TikTok Malaysia iaitu Encik Mohd Loqman bin Mohd Noor Firdaus Wong dan Puan Nurul Azeera binti Azlan Long dan juga Encik Idris Muadzdzin dari MDEC.

Program ini telah diurusetikan oleh Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan PKNP yang diketuai oleh Pengurus Encik Nasry bin Kassim dan Penolong Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya.

## MESYUARAT AGONG TAHUNAN "MALAYSIA - JAPAN ECONOMIC ASSOCIATION" (MAJECA) KALI KE - 46



Antara ahli - ahli MAJECA yang hadir dalam program selama sehari ini.

Kuala Lumpur, 8 Jun - Malaysia - Japan Economic Association (MAJECA) merupakan persatuan yang menghubungkan dua (2) negara iaitu Malaysia dan Jepun di mana fokus utamanya adalah mewujudkan hubungan ekonomi yang dinamik bersama.

Keahlian PKNP di dalam persatuan ini telah memberi pelbagai input dalam mewujudkan jalinan di antara pelabur - pelabur berpotensi untuk dibawa masuk ke Negeri Pahang.

Jumlah keahlian di dalam persatuan ini adalah sebanyak 62 entiti perniagaan yang meliputi penglibatan pihak kerajaan dan juga swasta. Majoriti keahlian adalah dari sektor Pembuatan (7.3%), Hartanah (6.4%), Teknologi (5.5%), dan Perundingan (5.5%).

Mesyuarat Agung Tahunan yang ke - 46 ini telah diadakan di Bangunan Ambank Group, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur secara fizikal dan juga maya yang dipengerusikan oleh Tan Sri Azman bin Hashim dan wakil PKNP yang hadir adalah Puan Nur Afiqah binti Haballah, Penolong Pengurus Bahagian Perindustrian PKNP.



سَلَامَتٌ هَبَارِي رَائِي عَيْدِ الْأَضْحَى

SELAMAT HARI RAYA  
AIDILADHA

29 JUN 2023  
10 ZULHIJAH 1444H

Atas nama:  
Pengurus,  
AHLI Perbadanan, Pengurusan  
dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP



# IBU BAPA PRIHATIN TINGKATKAN PRESTASI PEMBELAJARAN ANAK - ANAK



116 orang murid yatim menerima sumbangan zakat dari PKNP

Kuantan, 24 Jun - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) kali ke - 33 tahun 2023 SK Tanah Putih Baru, Kuantan.

Dalam ucapan perasmian yang disampaikan oleh beliau, beliau mengingatkan betapa pentingnya

peranan ibu bapa dalam meningkat prestasi pembelajaran anak-anak dengan cara memberikan sokongan moral serta ambil tahu perkembangan pembelajaran anak-anak.

Dengan kaedah ini, anak-anak akan meningkatkan usaha untuk memperbaiki mutu pembelajaran dan akan dibantu oleh guru-guru dari semasa ke semasa.

Turut berlangsung selepas majlis perasmian adalah sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP kepada 116 orang murid yatim di sekolah tersebut. Sumbangan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP diringi Yang Dipertua PIBG SK Tanah Putih Baru, Encik Izzat bin Salleh.

Turut hadir mengiringi Ketua Pegawai Eksekutif PKNP adalah Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Ibrahim bin Hashim serta Pegawai Perhubungan Awam, Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani.

# PKNP CAKNA, PERTIMBANG BANTU SMK NENASI

Pekan, 22 Jun - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek sebagai wakil rasmi Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah merasmikan Mesyuarat Agung PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Nenasi, Pekan kali ke-48 tahun 2023.

Dalam ucapan perasmian yang telah disampaikan, beliau memaklumkan bahawa kawasan JPKK Nenasi bukanlah asing bagi PKNP yang mana kampung ini merupakan salah satu kampung angkat di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PKNP dan setakat ini PKNP telah menjalankan tujuh (7) program CSR di kawasan JPKK Nenasi Pantai mahupun Nenasi Darat.

Selain itu juga, beliau turut memaklumkan bahawa usaha-usaha murni PKNP ini akan diteruskan yang mana PKNP akan mempertimbangkan bantuan dari segi sektor pendidikan

yang boleh dimanfaatkan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah di JPKK Nenasi termasuk SMK Nenasi Pekan ini.

Turut hadir mengiringi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan pegawai terlibat.



Komitmen PKNP untuk membantu SMK Nenasi dari segi pendidikan sangat dialu-alukan.



## SUMBANGAN PKNP KEPADA SMK TELUK CHEMPEDAK, Kuantan & RUMAH ANAK YATIM PERMATA AL - INSYIRAH, SUNGAI ISAP



## KUNJUNGAN HORMAT DARI LINDE MALAYSIA SDN BHD



## Sidang Redaksi

**PENAUNG / PENASIHAT**  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Chani

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Razi

**JURUFOTO**  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar